

**ISU-ISU BERKAITAN HUKUM PENGAGIHAN ZAKAT
OLEH LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS): ANALISIS DARI PERSPEKTIF TEKS
FIQH TURATH JAWI**

**THE ISSUES REGARDING THE RULING OF ZAKAT DISTRIBUTION BY LEMBAGA ZAKAT
SELANGOR (LZS): AN ANALYSIS FROM PERSPECTIVE OF JAWI JURISPRUDENTIAL
CLASSICAL TEXT**

*Mohd Faisal Mohamed, ¹Lukman Abdul Mutalib, ²Mohd Soberi Awang, ³Nur Mohammad Hadi Zahalan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai
*(Corresponding Author): mohdfaisal@usim.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai beberapa isu mengenai pengagihan zakat yang dilihat menjadi perselisihan dari sudut hukum khusus di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Permasalahan ini dikaji menurut perspektif syara' dengan tumpuan rujukan terhadap teks fiqh turath jawi kerana ia dianggap sebagai sumber rujukan yang berautoriti dalam mengeluarkan hukum yang lebih sesuai dengan konteks Nusantara. Isu yang diketengahkan terdiri daripada empat perkara. Antaranya peruntukan asnaf amil digunakan bagi pengurusan asnaf muallaf dan riqab, agihan dana zakat di luar wilayah Selangor, bayaran perubatan pesakit kritikal sebagai asnaf al-gharimin dan pembayaran zakat kepada asnaf fakir dan miskin dalam bentuk latihan dan modal. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah 'content analysis'.

Kata Kunci: Hukum pengagihan zakat, Lembaga Zakat Selangor, teks fiqh turath jawi

ABSTRACT

This study aims at analyzing and reviewing several raised issues that lead to discrepancy in terms of its ruling pertaining to distribution of tithe in Lembaga Zakat Selangor (LZS). The issues will be viewed from Syariah perspective, particularly making classical jurisprudential texts as the main references due to its were regarded as authoritative source of references in deriving jurisprudential rulings and more suitable with Malay archipelago context. There are four issues that will be put forward namely the allocation of asnaf amil used for asnaf muallaf and riqab affairs, distributing the tithe outside Selangor area, medical payment for critical patients in the name of asnaf gharimin and tithe payment for fakir and miskin in the form of trainings and capitals. Research methodology is to be applied is content analysis.

Keywords: The rulings of zakat distribution, Lembaga Zakat Selangor, Jawi jurisprudential classical text

Definisi Teks Turath

Perkataan 'kitab' atau 'teks' berasal dari bahasa Arab yang bermaksud buku atau surat kiriman (Muhammad Idris al-Marbawi, 1354H). Mengikut Kamus Dewan (2002) 'kitab' bermaksud buku suci yang mengandungi perkara-perkara keagamaan seperti hukum, ajaran dan lain-lain. Perkataan 'turath'

bermaksud apa-apa yang ditinggalkan oleh seseorang kepada ahli warisnya (pusaka) (Ibn Manzur, 1990), seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Fajr (89) ayat 19:

وَتَأْكُلُونَ التُّرَاثَ أَكْلًا لَمًّا

Maksudnya: “Dan kamu sentiasa makan harta pusaka secara rakus (dengan tidak membezakan halal haramnya)”

Menurut Syeikh ‘Ali Jum‘ah (2015) ‘turath’ merujuk kepada produk atau karya yang terhasil daripada akal manusia Islam sepanjang zaman sama ada secara lisan atau tulisan dalam tempoh melebihi seratus tahun. Turath ini merupakan hasil pemikiran atau karya intelektual yang skop perbahasannya bersumberkan nas al-Quran dan Sunnah yang mengandungi hukum-hakam dan maksud-maksud syarak yang mencakupi nilai-nilai yang diadun mengikut kesesuaian perubahan persekitaran, individu dan masyarakat. Nas-nas syarak dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai sesuatu kemajuan dan menjadi asas rujukan dalam setiap perkara. Oleh itu, terhasillah pelbagai cabang ilmu seperti fikah, usul fikah, nahu, saraf, balaghah, khat dan sebagainya untuk ‘berkhidmat dan berbakti’ kepada nas-nas syarak. Karya-karya ini berusia lebih seratus tahun yang dihasilkan oleh umat Islam awal pada akhir-akhir kurun kedua Hijrah sehingga era Syeikh Ibrahim al-Bajuri (w. 1277H/1856M), Syeikh al-Azhar yang ke-19. Di sini dapat disimpulkan bahawa kitab turath ialah khazanah ilmu yang merupakan sumber utama atau primer (*ummahat al-kutub*) dalam pengajian ilmu-ilmu Islam. Pengarangnya menghimpunkan segala catatan ilmu yang didapati dari pengajian talaqqi dengan para ulama dan *masyaikh* dari pelbagai bidang dan cabang ilmu. (Mohd Faisal Mohamed, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz & Abdullaah Jalil, 2017)

Pengenalan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Segala urusan berhubung dengan pentadbiran zakat di negeri Selangor telah diperuntukkan dalam fasal 107 dan 108 di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor Bil.3, tahun 1952 yang menyatakan mengenai kuasa dan tanggungjawab Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berhubung pentadbiran urusan zakat. Dari aspek pelaksanaannya pula, segala urusan pentadbiran zakat diletakkan di bawah tanggungjawab Baitulmal Selangor dan ini telah mendapat persetujuan Sultan Selangor bagi mengendalikan urusan Baitulmal tersebut.

Pada permulaan awal pengurusan, Baitulmal Negeri Selangor tidak dapat berperanan pada tahap yang maksimum. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pengurusan zakat yang dilaksanakan secara tradisional, konservatif dan tidak aktif. Faktor seperti kekurangan kakitangan dan tenaga terlatih yang berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang perakaunan, pengurusan, komputer dan sebagainya turut mempengaruhi keadaan tersebut.

Tambahan pula, dengan bebanan kerja yang terus meningkat, pengurusan zakat kelihatan seperti tidak berfungsi, lemah dan tidak cekap. Akibatnya, jumlah kutipan zakat di negeri Selangor terus berada pada tahap yang paling minimum. Atas kesedaran inilah, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah melakukan satu reformasi dalam pengurusan zakat di Selangor. Sebagai satu langkah awal, MAIS telah mengkorporatkan sebahagian dariada pengurusan zakatnya di bahagian pungutan dengan menubuhkan Pusat Zakat Selangor (PZS), Majlis Agama Islam Selangor.

Pusat Pungutan Zakat (Majlis Agama Islam Selangor) telah ditubuhkan pada 15 Februari 1994 untuk menguruskan kutipan zakat di Selangor dengan terdaftarnya MAIS Zakat Sdn. Bhd. Pusat Pungutan Zakat (MAIS) merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Selangor dengan modal berbayar sebanyak RM 500 000. Penubuhan PPZ (MAIS) ini bertujuan untuk memperbaiki kaedah pengurusan zakat yang sedia ada kepada sistem pengurusan yang lebih professional seperti yang diamalkan dalam dunia korporat masa kini. Walaubagaimanapun, PPZ (MAIS) mula beroperasi sepenuhnya pada Oktober 1995 setelah segala persiapan dan kelengkapan meliputi penambahan dan pengambilan baru kakitangan, penyediaan perisian sistem komputer, penyediaan borang-borang dalam bentuk yang baru termasuk resit zakat yang baru, penyempurnaan kelengkapan pejabat, penyediaan peraturan-peraturan kerja, latihan kakitangan dan sebagainya dapat

disempurnakan. Selaras dengan itu, nama PPZ (MAIS) telah ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (MAIS) atau singkatannya PZS (MAIS) pada 30 Oktober 1996.

Dengan beroperasinya PZS (MAIS), bererti ianya telah diberikan mandat untuk menguruskan pungutan dan agihan zakat di negeri Selangor bagi pihak Majlis Agama Islam Selangor secara rasminya bermula pada tahun 1998. Sehubungan dengan itu, urusan kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor tidak lagi berada di bawah pentadbiran Baitulmal tetapi diawasi oleh sebuah Majlis Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh pelbagai golongan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing sama ada dalam bidang syariah mahupun professional yang lain. Kesemua ahli yang menggagotai Lembaga Pengarah PZS (MAIS) ini adalah berdasarkan perlantikan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor. Pada tahun 2006, PZS (MAIS) telah dinaik taraf kepada sebuah institusi zakat yang lebih berkredibiliti. Ianya dikenali sebagai Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan pada tahun 2009, logo baru PZS (MAIS) telah dilancarkan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Masjid As-Solihin.

Menurut, Hairunnizam dan Sanep (2014), dalam tempoh 15 tahun LZS telah beroperasi pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan perkhidmatan yang diberi adalah yang terbaik seiring dengan pengagihan zakat. Berbagai-bagai bentuk bantuan telah diberikan kepada mereka yang memerlukan terutama kepada golongan fakir dan miskin. LZS juga telah menjadi rujukan kepada institusi zakat yang lain baik di dalam negeri mahupun di luar seperti negara Brunei, Singapura dan Indonesia bagi mempertingkatkan aktiviti serta kualiti pengurusan agihan zakat. Pelbagai program pengagihan zakat bersumberkan kepada kekuatan program serta jumlah kutipan zakat telah dirancang dan dilaksanakan yang menjurus ke arah kesejahteraan ummah. Lebih utama ia dipastikan selari dengan garis panduan serta pengawasan fatwa sistem agihan zakat Negeri Selangor demi meningkatkan keyakinan kepada masyarakat bahawa pengagihan zakat adalah benar-benar telus mengikut syarat-syaratnya serta tidak tergelincir daripada hukum syarak yang telah ditetapkan.

Analisis Isu-Isu Berkaitan Hukum Pengagihan Zakat

Kajian ini akan menfokuskan dan menganalisis empat isu yang dianggap penting untuk diketengahkan iaitu peruntukan asnaf amil digunakan bagi pengurusan asnaf muallaf dan riqab, agihan dana zakat di luar wilayah Selangor, bayaran perubatan pesakit kritikal sebagai asnaf al-gharimin dan pembayaran zakat kepada asnaf fakir dan miskin dalam bentuk latihan dan modal.

1. Peruntukan Asnaf Amil Bagi Pengurusan Asnaf Muallaf Dan Riqab

Perselisihan yang berlaku antara LZS dan MAIS adalah melibatkan perlantikan pegawai yang menguruskan asnaf Muallaf dan Riqab. Kakitangan yang terlibat tidak diistilahkan sebagai amil atas sebab dilantik oleh pihak MAIS dan bukan secara rasmi oleh LZS. Perkara ini ditegaskan oleh pengurusan Lembaga Zakat Selangor sendiri yang mengistilahkan amil sebagai mana-mana kakitangan yang dilantik oleh LZS untuk melakukan kerja sebagai amil dan tidak mengiktiraf kakitangan yang dilantik oleh MAIS sebagai amil walaupun mereka melaksanakan kerja-kerja pengurusan asnaf Riqab dan Muallaf. Namun berdasarkan hukum, kakitangan MAIS berhak dan sesuai untuk menerima bayaran daripada peruntukan amil kerana aspek perlantikan merupakan hukum yang mendatangi dimana hukum asasnya, kakitangan tersebut tetap diistilahkan sebagai amil.

Dapat dilihat permasalahan perkara ini umpama perkahwinan yang menepati syarat tetapi tidak didaftarkan secara sah dari sudut undang-undang semasa. Lembaga Zakat Selangor merupakan badan pengurusan yang dilantik oleh MAIS sebagai amil dalam menjalankan aktiviti kutipan dan agihan zakat. Perkara ini tidak jauh berbeza dengan kakitangan yang menguruskan asnaf Muallaf dan Riqab dimana perlantikan mereka berpusat kepada MAIS. Buat masa ini, bahagian yang menguruskan kedua-dua asnaf tersebut menggunakan peruntukan asnaf Muallaf dan Riqab dalam urusan pembayaran gaji kepada kakitangan meskipun Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 17 Februari 2012 telah memawartakan bahawa:

“ Harus pembayaran emolumen kakitangan MAIS menggunakan peruntukan asnaf *amil* diberikan kepada pegawai MAIS di bahagian tertentu yang mana bidang tugasnya adalah terlibat secara langsung dalam mengurus hal ehwal zakat dan tidak menerima emolumen daripada peruntukan asnaf *fi sabilillah*.”

Merujuk kepada peruntukan mengenai fatwa dalam undang-undang perkara 4, sesuatu fatwa yang telah disiarkan dalam warta hendaklah dipatuhi oleh semua umat Islam yang berada di negeri itu, kecuali amalan peribadi yang dibenarkan mengikut hukum syarak. Justeru, fatwa yang telah diwartakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor seharusnya dipatuhi oleh LZS. Kajian ini menyokong dan mencadangkan kepada pihak LZS untuk melantik *amil* dalam mematuhi fatwa yang telah diwartakan sekaligus menyelesaikan isu yang bersifat teknikal.

Berdasarkan pandangan fuqaha al-Syafi'i dalam teks turath jawi istilah '*amil*' itu termasuklah penulis (*katib*), yang membahagi harta tersebut (*qasim*), yang mengumpulkan (*hasyir*), yang mengenal kelayakan penerima zakat (*'arif*), yang menghitung (*hasib*), yang memelihara (*hafiz*), pengawal (*jundi*), yang memaksa yang berkelayakan mengeluarkan zakat (*jabi*) dan beberapa golongan lagi. Dan mereka berpendapat bahawa mana-mana golongan yang dihubungkan dengan '*amil*' yang berhak menerima zakat boleh dikembangkan lagi pengklasifikasiannya berdasarkan realiti selama mana tugas mereka bersangkutan paut dengan pengurusan harta zakat. (al-Banjari, t.th)

Hasil analisis terhadap tugas *amil* pengurusan asnaf muallaf dan riqab serta hubungannya dengan tugas *amil*, maka adalah lebih wajar mereka menerima zakat dibawah kategori *amil* sesuai dengan fatwa yang telah diwartakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan pandangan fuqaha dalam teks turath.

2. Agihan Dana Zakat Di Luar Wilayah Selangor

Menurut Mujaini Tarimin dalam penulisan *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, Jumhur Ulama' bersepakat bahawa harus dana zakat dipindahkan ke daerah lain sekiranya dalam kalangan penduduk setempat tidak terdapat asnaf yang memerlukan. Selain itu, pendapat ini juga disokong oleh Syekh Ibnu Jabri yang mengeluarkan fatwa bahawa memindahkan zakat ke negeri lain adalah harus kerana maslahat yang kuat seperti bantuan bencana atau kefakiran dan sebagainya. Dalam riwayat yang dinukilkan daripada Abu Ubaid, Muaz yang merupakan seorang pegawai zakat pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W dan Umar al-Khattab telah menyerahkan baki zakat yang tidak dapat diagihkan kepada Umar R.A. Walau bagaimanapun Umar R.A telah memulangkan semula kepada Muaz walaupun setelah Muaz menceritakan bahawa di kawasan pungutan zakat tersebut sudah tiada lagi golongan yang memerlukan. Jelaslah bahawa dana zakat yang tidak dapat dihabiskan agihannya di tempat pungutan harus dipindahkan keluar kawasan. (Mujaini Tarimin, 2005)

Namun, berdasarkan teks turath fiqh Syafi'i, zakat perlu diagihkan di wilayah kutipan melainkan dengan keizinan sultan untuk diagihkan di luar daerah pungutan. Harta hasil kutipan mestilah diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya iaitu yang tinggal atau berada di dalam kawasan kutipan zakat berkenaan. (al-Banjari, t.th) Khilaf pandangan yang berlaku ini mestilah diharmonikan merujuk kepada prinsip maqasid syariah dan beberapa pendapat ulama yang mengharuskan agihan zakat merentasi sempadan wilayah dan daerah kutipan. Justeru, analisis kajian ini menyatakan kewajaran dalam mengkompromikan pendapat yang berbeza bersandarkan kelulusan khas daripada pihak pengurusan tertinggi LZS dengan memberi keutamaan kepada keperluan setempat. Sekiranya wujud keperluan yang mustahak untuk pengagihan zakat di luar wilayah Selangor, maka perkara tersebut haruslah mendapat pertimbangan dan kelulusan pihak tertinggi LZS sebagai wakil DYMM Sultan Selangor melihat kepada situasi politik dan taraf ekonomi semasa umat islam secara tempatan mahupun antarabangsa.

3. Hukum Bayaran Perubatan Pesakit Kritikal Sebagai Asnaf Al-Gharimin

Lembaga Zakat Selangor telah memperuntukkan sebahagian jumlah kutipan zakat kepada 17 buah hospital kerajaan terpilih termasuk Wilayah Persekutuan dan Putrajaya melalui tabung kebajikan jabatan kerja sosial hospital untuk tujuan bantuan kecemasan kepada mereka yang kurang berkemampuan. Pembiayaan ini diambil daripada bahagian asnaf gharimin bagi meringankan beban mereka yang memerlukan rawatan perubatan dalam kadar yang segera. Penerima bantuan tersebut mestilah menepati syarat-syarat yang ditetapkan LZS dari sudut jumlah pendapatan, bilangan tanggungan isi rumah dan sebagainya. Bantuan ini merupakan inisiatif yang dilancarkan LZS dalam menyantuni masyarakat yang mengalami kesempitan kewangan serta bertindak sebagai satu alternatif selain tabung yang disediakan Kementerian Kesihatan.

Lembaga Zakat Selangor tidak hanya memberi fokus kepada hospital kerajaan semata-mata tetapi turut juga menyalurkan bantuan kepada institusi perubatan swasta umpama Institut Jantung Negara dan Institut Kanser Negara. Dapat diperhatikan, bantuan yang dilaksanakan LZS setakat ini adalah tepat dan dilihat sesuai kerana berdasarkan hukum syarak, pesakit-pesakit kronik layak menerima pembiayaan perubatan sama ada dari bahagian asnaf fakir, miskin, gharimin atau fi sabilillah. Namun begitu, berdasarkan ciri-ciri yang terdapat dalam isu pembiayaan pesakit kronik, elemen asnaf gharamin adalah paling jelas dan praktikal berbanding asnaf lain berdasarkan pentakrifan dan hukum asnaf itu sendiri. Justeru, kajian ini menyokong langkah yang telah dilaksanakan oleh LZS dalam membantu masyarakat dari sudut meringankan beban pembiayaan rawatan hospital. Kajian juga mencadangkan agar langkah ini diperkasa dan menjadi model kepada institusi zakat negeri-negeri lain terutama yang masih mengekalkan bantuan perubatan melalui bahagian asnaf fi sabilillah atau asnaf fakir mahupun asnaf miskin.

Berdasarkan pandangan fuqaha dalam teks turath jawi asnaf gharimin dapat dibahagikan kepada empat bahagian: sesiapa yang berhutang untuk menghilangkan konflik yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, sesiapa yang berhutang untuk kemaslahatan umum, sesiapa yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya dan sesiapa yang menjamin seseorang yang berhutang disebabkan tiga perkara di atas. (al-Banjari, t.th) Hasil analisis dan pemerhatian dengan melihat pandangan fuqaha dalam kitab turath jawi, bayaran perubatan pesakit kritikal bagi yang tidak berkemampuan sehingga terpaksa berhutang untuk membayarnya adalah lebih wajar diklasifikasikan dibawah asnaf gharimin berbanding asnaf fi sabilillah, maka apa yang telah dilakukan oleh LZS itu dilihat lebih tepat.

4. Hukum Pembayaran Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin Dalam Bentuk Latihan Dan Modal.

MAIS Zakat Sdn. Bhd merupakan sebuah anak syarikat yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Selangor, ditubuhkan pada Mac 2011. Mensasarkan objektif untuk menyemai semangat keusahawanan dalam kalangan asnaf sekali gus membantu mereka keluar dari kategori asnaf. Walaupun syarikat ini milik penuh MAIS namun peranannya adalah untuk menyokong hasrat LZS dalam melaksanakan aktiviti membantu asnaf fakir dan miskin dalam pengurusan projek komersial dan ekonomi serta aktiviti pembangunan. Hasilnya pada tahun 2014, seramai 221 orang asnaf berjaya dikeluarkan daripada kepompong kemiskinan dan begitu juga pada tahun sebelumnya iaitu seramai 250 orang. Bagi asnaf yang produktif dan mempunyai potensi, suntikan modal sehingga maksimum RM 5000 diberikan sebagai permulaan perniagaan yang ingin diusahakan.

Di LZS, mereka berperanan dalam mengendalikan segala bentuk kursus asas khusus bagi asnaf yang masih belum mendapat bantuan perniagaan manakala di MAIS Zakat pula mereka mengurus selia para asnaf yang telah diberi dana permulaan dalam merangka strategi pengembangan perniagaan merangkumi aspek kemahiran, teknikal, pemasaran, pengurusan kewangan dan sebagainya. Dapat disimpulkan kedua-dua pihak ini membantu mengenal pasti kursus dan latihan kemahiran untuk golongan asnaf serta memadankan kerja yang sesuai agar tidak berterusan bergantung kepada bantuan zakat. Hakikatnya, prosuder ini telah dinukilkan oleh ulama silam terdahulu, dalam kitab fiqh Syafi'i antaranya yang mengatakan pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin bukanlah berbentuk

penyerahan wang semata tetapi lebih penting pihak berkenaan menyediakan mekanisme lain supaya golongan asnaf dapat meningkatkan taraf hidup mereka seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.

Justeru, kajian ini menyokong pelaksanaan program pembangunan ekonomi yang telah dikendalikan LZS dan mencadangkan agar program ini diperkasa serta diperluaskan skop bantuannya. Perkara ini dilihat bertepatan dengan perancangan LZS sendiri yang meletakkan sasaran dalam mengeluarkan lebih ramai usahawan selaras dengan usahanya membangunkan keluarga asnaf dengan meningkatkan pendapatan agar pada akhirnya mereka juga mampu menjadi salah seorang pengeluar zakat.

Berdasarkan pandangan al-Syaikh Arsyad al-Banjari, salah seorang fuqaha jawi yang awal, menyatakan:

“Dan tiada dikehendaki dengan memberi mereka itu memberi nuqud yang memadai akan dia didalam masa itu, hanya yang dikehendaki dengan dia memberi akan pembeli faedahnya didalam masa yang tersebut itu, maka hendaklah dibelikkannya dengan dia dengan izin imam yang akan umpama kebun memadai akan dia sewa atau harga buah-buahan dalamnya akan belanjanya didalam masa yang tinggal daripada umur ghalib supaya kaya ia dengan dia daripada zakat dan dimilikinya akan dia dan diwaris ia daripadanya kerana masalah yang kembali ia kepadanya.... Adapun yang tahu berusaha dengan kepandaian maka diberi akan dia daripada zakat akan pembeli alat kepandaian dan jika ia banyak sekalipun... Dan adapun yang tahu berusaha dengan berniaga maka hendaklah diberi modal akan dia daripada zakat sekira-kira memadai labanya akan belanjanya didalam masa yang tinggal daripada umur ghalib dengan membilangkan adil negerinya..” (Arsyad al-Banjari, t.th)

Berdasarkan kenyataan tersebut dapat difahami bahawa yang dimaksudkan dan disarankan oleh beliau bahawa pemberian zakat kepada amil tidaklah ditumpukan dengan pemberian wang secara langsung kepada mereka semata-mata, namun zakat tersebut digunakan untuk tujuan meningkatkan produktiviti mereka sehingga akhirnya mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan kefakiran dan mampu untuk berdikari sendiri. Maka apa yang dilakukan oleh LZS dilihat wajar dan selari dengan pandangan fuqaha jawi tersebut.

Kesimpulan

Melihat kepada isu-isu yang ditimbulkan berkaitan dengan zakat dalam LZS, kitab turath jawi dilihat masih sesuai untuk dijadikan salah satu rujukan utama sebagai penyelesaian tersebut. Hal ini dapat dibuktikan setelah beberapa isu tersebut dianalisis ternyata pemikiran dalam teks turath jawi masih wajar dan relevan malah untuk diimplimentasikan dalam memperkasakan lagi operasi kutipan dan pengagihan zakat.

Rujukan

- Al-Bujairimi, Sulayman. 1950. *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala al-Manhaj*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Haytami, Muhammad bin Ahmad Ibn Hajar. 2001. *Tuhfah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mahalli, Jalal al-Din. t.t. *Kanz al-Raghibin*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Maqdisi, Ibn al-Qudamah. 2004. *Al-Mughni*. Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Marghinani, Burhan al-Din. t.t. *Al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya. 2002. *Rawdah al-Tolibin*.cBeirut: Dar Ibn Hazm.

**ISU-ISU BERKAITAN HUKUM PENGAGIHAN ZAKAT
OLEH LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS): ANALISIS DARI PERSPEKTIF TEKS FIQH *TURATH* JAWI**

- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad. 1984. *Nihayah al-Muhtaj ma'a Hasyiyah al-Syubramulusi wa Hasyiyah Rasyidi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. t.t. *Asybah wa al-Nazhoir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyah*. Kaherah: Dar al-Bayan al-Araba.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. t.t. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib. 2006. *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Arsyad al-Banjari. t.t. *Sabil al-Muhtadin*. Semarang: Maktabah wa Mathba'ah Karya Putra.
- <http://www.zakatselangor.com.my/info-lzs/sejarah-lzs/>
- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. 2014. [Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor](#). *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 48(2)(2014): 41-50.
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2016, Lembaga Zakat Selangor.
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2015, Lembaga Zakat Selangor.
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2014, Lembaga Zakat Selangor.
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2013, Lembaga Zakat Selangor.
- Mohd Faisal Mohamed, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz & Abdullaah Jalil. 2017. *Fiqh & Turath*. Kuala Lumpur: Faqih Media.
- Muhammad Nur bin Muhammad al-Fatani. t.t. *Kifayatul Muhtadi Syarh Sullam Mubtadi*. Pulau Pinang: Dar Ma'arif.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.